

26 APR 2000

CANBERRA-RAIS/I

RAIS YATIM KETUAI PASUKAN KE PERSIDANGAN EKONOMI CANBERRA

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 26 April (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Rais Yatim akan mengetuai satu pasukan penceramah ke Persidangan Ekonomi Tahunan Australia-Malaysia kedua di Canberra pada 23-26 Mei.

Persidangan yang bertemakan "Malaysia Selepas Krisis Kewangan Dan Pilihan Raya Umum: Implikasi Ekonomi, Sosial dan Politik", akan diadakan di Universiti Kebangsaan Australia.

Dua hari diperuntukkan untuk pembentangan kertas kerja oleh penceramah Malaysia dan Australia sementara hari ketiga untuk aktiviti-aktiviti lain seperti persembahan kebudayaan dan filem Malaysia, dan bengkel lepasan ijazah untuk para pelajar mengenai Malaysia.

Para penceramah dari Malaysia termasuk Dr R. Thillainathan dari Genting Sdn Bhd, Ishak Shari dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Subramaniam Pillay dari Universiti Sains Malaysia; Datuk Abdul Razak Baginda dari Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia, Dr Tan Tat Wai dari Southern Steel Bhd, Tan Sri Dr Lin See Yan dari Lin Associates, Shamsulbahriah Ku Ahmad dari Universiti Malaya and Francis Loh Kok Wah dari Universiti Sains Malaysia.

Penceramah dari Australia ialah Anthony Milner dari Universiti Kebangsaan Australia yang akan bercakap mengenai "Mahathir, Australia dan Menyelamatkan Orang Melayu" dan William Chase dari Universiti Griffith, Brisbane, yang akan bercakap mengenai "Perbicaraan Anwar dan Implikasinya."

Menteri Luar Australia Alexander Downer dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia Datuk Adnan Othman akan menjadi jemputan khas di jamuan makan malam dan persembahan kebudayaan di universiti itu pada 24 Mei. -- BERNAMA

NDC JR